

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1 & 2

3 inisiatif bantu 100,000 keluarga miskin



3 inisiatif bantu 100,000 keluarga miskin

Inisiatif Pendapatan Rakyat merangkumi usahawan tani, peniaga makanan dan operator perkhidmatan yang dilancarkan semalam, sasar bantu-isi rumah miskin tegar dan B40 keluar daripada garis kemiskinan dengan menjana pendapatan sekurang-kurang RM2,000 sebulan.

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim → Nasional 2

Tiga model bantu keluar dari pada kemiskinan

Kerajaan sasar 100,000 peserta miskin tegar jana RM2,000 sebulan menerusi program IPR

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menyasarkan 100,000 peserta daripada isi rumah miskin tegar dan B40 yang mewujudkan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) berupaya menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan, bagi membolehkannya mereka keluar daripada garis kemiskinan.

Menyatakan itu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata sasaran itu berdasarkan kajian yang dilaksanakan pihaknya berdasarkan garis kemiskinan tegar yang ditetapkan pada RM1,000 setiap bulan.

Katanya, IPR bertujuan meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar, miskin dan B40 untuk menjana pendapatan membabitkan kerjasama kerajaan, rakyat dan rakan strategik. IPR membabitkan tiga model iaitu Inisiatif Usahawan Tani

(INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

"Kita sudah menjemput 'modeling' awal, jika melihat kepada tiga model tadi, usahawan tani, mungkin mengambil masa yang lama pula untuk mendapat pendapatan."

"Jadi kita sudah mengambil kirabantuan untuk tempoh pemantauan 24 bulan, termasuk penyelidikan tapak, infrastruktur, latihan dan sebagainya termasuk eluan bulanan semestinya mengunggu hasil tujuan."

"Sama juga dengan INSAN, penjualan makanan melalui mesin vending (mesin layan diri), walaupun itu dijual pada harga bersubsidi ia memberi orang ramai menurunkan harga makana."

"IKHSAN, operator kawal seluruh kemudahan kerajaan seperti tanah awam, pejabat dan sebagainya yang berada di bawahnya dan mendapat dana sumber lajuu ku tipuan harian orang ramai bayar untuk masuk tandas atau kelengkapan kemudahan lain tetapi jika tidak mencukupi, kerajaan akan membantunya," katanya.

"Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan pelancaran IPR di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amir



Rafizi (dua dari kanan) bersama Amirudin (kanan) dan Aminuddin (dua dari kiri) pada majlis pelancaran Inisiatif Pendapatan Rakyat di Stesen LRT Cempaka, Ampang, semalam. (Foto Azizuddin Saad/BH)

Rafizi Sheri dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Rafizi berkata, IPR membabitkan ekosistem tiga pihak iaitu penerima memahatkan miskin tegar dan B40, pembimbing (peniaga setiausaha), serta produk perkhidmatan, NGO serta agensi kerajaan) dan rakan niaga.

Hekurni golongan sasar INTAN adalah inisiatif untuk merekrut golongan sasar yang berminat dalam pertanian dengan memilih hasil tanaman yang tinggi dalam jumlah import seperti cili, halia dan jagung.

INSAN pula menyasarkan peseran menjual makanan umum pada harga rendah, menerusi perniagaman mesin layan diri yang mampu meningkatkan ju-

alan melalui penambahan lokasi tumpuan.

Manakala IKHSAN merekrut golongan sasar yang berminat untuk bekerja sebagai pekerja pembersihan, sekali gus mampu mengatasi masalah kekurangan buruh bagi menyelenggara beberapa aktiviti.

"Untuk INTAN, kerajaan akan menyediakan tanah, infrastruktur pertanian, latihan, kos operasi seperti baja, sokongan pemaseran padanan dengan pembeli dalam bentuk sementara manajemen hasil tanaman."

"Menerusi INSAN pula, kerajaan menyediakan mesin layan diri dengan menanggung bayaran sewa mesin selama 24 bulan, latihan, tempat berniaga di lokasi tumpuan dan sokongan kerjasama."

"Bagi IKHSAN, kerajaan menyediakan peralatan dan kolongan, urusan hantikan dengan pemilik kemudahan, latihan dan eluan tambahan untuk digenapkan pendapatan mencecah RM2,000 sebulan," katanya.

Pengerusi

Persekutuan,

menyatakan Belanjawan 2023 mengumumkan kerajaan akan membantu kira-kira 130,000 rakyat terentas tanpa mengira latar belakang mereka untuk keluar dari pada bulangnya kemiskinan menerusi IPR.

Sejumblah RM750 juta peruntukan disediakan kepada Kementerian Ekonomi bagi menjayakan IPR.

Anwar juga bertekad untuk mengeluarkan golongan miskin tegar tahun ini.